

08 FEB 1999

DR MAHATHIR KIRIM UCAPAN TAKZIAH KEPADA RAJA JORDAN

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengirim perutusan takziah kepada Raja Abdullah, Jordan atas kemangkatan ayahanda baginda, Raja Hussein, semalam.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Perdana Menteri dalam perutusan itu berkata Raja Hussein memainkan peranan yang sangat berpengaruh dalam usaha mewujudkan perdamaian di Asia Barat dan di dunia keseluruhannya.

Beliau berkata almarhum itu juga akan dikenangi selamanya kerana keberanian dan kecekalan yang ditunjukkan dalam menempuhi saat-saat yang paling menyulitkan sepanjang tempoh pemerintahan baginda yang gilang-gemilang itu.

"Mudah-mudahan sumbangan baginda yang begitu besar kepada keamanan dan kesejahteraan Kesultanan Bani Hashim dan rantau berkenaan akan terus menjadi sumber inspirasi kepada kita," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata beliau yakin Raja Abdullah akan dapat meneruskan warisan yang ditinggalkan oleh almarhum ayahanda baginda kepada Kesultanan Bani Hashim, rantau itu dan kepada dunia seluruhnya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga telah menghantar ucapan takziah kepada rakan sejawatannya di Jordan, Abdullah Ilah Al Khatib.

-- BERNAMA

MT AHH NMO